

Taib lawat tapak projek bina UCTS



PEMBANGUNAN PENDIDIKAN: Taib ketika mendengar taklimat perkembangan pembinaan UCTS. Turut kelihatan ialah Wong (kiri) dan Abdul Hakim (tiga kiri).

SIBU: Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Ragad Kurdi Taib semalam telah melawat tapak projek pembinaan Universiti Kolej Teknologi Sarawak (UCTS) di Jalan Teng Chin Hua.

Ketika sesi lawatan, Taib turut diberikan taklimat me-nge-nai perkembangan pembangunan pembinaan UCTS oleh Menteri Kewangan Kedua merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat Dato Sri Wong Soon Koh.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang, Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Menteri Kemajuan Tanah Tan Sri James Masing, Temenggung Vincent Lau Lee Ming dan Naib Canselor/Ketua Pegawai Eksekutif UCTS Profesor Datuk Dr Abdul Hakim Juri.

Fasa pertama UCTS dijangka siap menjelang 31 Julai akan datang. UCTS akan memulakan sesi pengambilan pelajar bagi Kursus Asas pada Mei akan datang.

Fasa pertama akan menem-patkan blok Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat Seni Bahan dan Ukur serta bangunan pentadbiran utama.

Pembinaan fasa pertama UCTS meliputi 30 ekar dan terletak berhampiran tapak lama Lapangan Terbang Sibu, berjalan dengan lancar.

Fasa kedua hingga fasa keempat dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Pelaksanaan projek dijalankan oleh Hock Peng Organisation dengan usaha sama Naim Engineering Sdn Bhd.

Terdahulu, Wong berkata UCTS merupakan kemuncak wawasan dan komitmen Sarawak dalam mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf dunia yang menyumbang kepada pembangunan pengeluaran sumber manusia teknikal dalam memenuhi keperluan Kori-dor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).